



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3/3/2012

## Bukti Anwar lebihutamakan keselamatan Israel

KOTA BHARU 2 Mac - Penjelasan Pengerusi Biro Politik Hamas, Dr. Mousa Abu Marzook yang menolak pendirian pertubuhan itu selari dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai keselamatan Israel, menunjukkan Ketua Pembangkang memang memberikan keutamaan kepada negara Yahudi terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, apa yang Hamas mahukan adalah dunia khususnya negara Islam

membantu perjuangan mereka dan kepentingan rakyat Palestin seperti dilakukan oleh kerajaan Malaysia selama ini.

Menurut beliau, komitmen kerajaan Malaysia membantu rakyat Palestin itu yang ditindas dan dizalimi oleh rejim Zionis telah terbukti menerusi surat-surat yang ditulis oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan didedahkan kepada umum kelmarin.

UM - 3/3/2012

"Komitmen itu diteruskan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi dan saya sebagai Perdana Menteri hari ini, dasar kita adalah konsisten dan tidak berubah.

"Hamas tolak sebab kenyataan Anwar memang menunjukkan dia memberi keutamaan kepada keselamatan Israel daripada perjuangan orang Palestin yang ditindas dan dizalimi selama ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Pemimpin

Bersama Rakyat dan Ramah Mesra Bersama Profesional Kelantan di Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek Zainab di sini hari ini.

Semalam, Hamas menafikan pendirian pertubuhan itu selari dengan Anwar yang menyokong sebarang usaha melindungi keselamatan Israel ketika diwawancara oleh akhbar *The Wall Street Journal (WSJ)*.

Mousa berkata, pihaknya sama sekali tidak akan mengiktiraf re-

jim Zionis kerana bagi Hamas, negara Israel tidak sah kewujudannya di muka bumi.

Anwar sebelum ini dilaporkan menyokong sebarang usaha melindungi keselamatan Israel ketika diwawancara *WSJ*, tetapi kemudiannya menuduh pihak media telah memutar belitkan kenyataannya itu.

Ketua Pembangkang itu juga mendakwa, kenyataannya selari dengan pendirian Hamas dalam isu berkenaan.